

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI
MERANGKAP MENTERI PEMBANGUNAN
LUAR BANDAR DI UPACARA MERASMI-
KAN PEMBUKAAN MASJID MUHAMMA-
DIAH PADANG TENGGU, PAHANG PADA
18HB OKTOBER, 1963

Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Pahang¹,

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik harap diampun. Oleh kerana urusan negara yang patik tidak dapat hendak elakan, maka tidaklah dapat patik mengiringi Tuanku untuk menyaksi upacara-upacara merasmikan pembukaan Masjid Muhamadiyah Padang Tengku dan Balai Raya Gua Thai.

Sebagai Menteri Pembangunan Luar Bandar, patik mengucapkan ribuan terima kasih atas kesudian Tuanku mencemarkan Duli berangkat menghadiri dan merasmikan pembukaan dua buah projek Pembangunan Luar Bandar, iaitu sebuah masjid di Padang Tengku ini, yang berharga \$27,000 dan sebuah balai raya di Gua yang berharga \$6,000.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Syukurlah kita kehadiran Allah Subhanahu-Wataala bahawa sudah terbinalah sebuah bangunan yang suci dan indah di kampung ini, suatu kemudahan yang diberi kepada kaum Muslimin di daerah ini untuk beramal ibadah dan juga untuk membuat amalan saleh terhadap masyarakat. Ini adalah hasil daripada Rancangan Pembangunan Luar Bandar Kerajaan Perikatan.

1 D.Y.M.M. Sultan Abu Bakar Ri'ayud'din Almutasin Shah Ibni Al-marhom Almutasim Billah Sultan Abdullah.

- Negara kita Malaysia sekarang sedang menghadapi suatu keadaan yang tidak diinginkan disebabkan oleh sikap konfrontasi dari Kerajaan Indonesia. Kerajaan-kerajaan Indonesia dan Filipina adalah tidak bersetuju atas pembentukan negara Malaysia meskipun rombongan Bangsa-bangsa Bersatu yang dikirimkan oleh Setiausaha Agungnya U Thant telah menentukan bahawa bilangan yang besar daripada rakyat kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak bersetuju hendak masuk Malaysia. Seluruh dunia bebas menyedari kejujuran kita untuk hendak menolong dan bekerjasama dengan kedua-dua negeri itu supaya mereka juga akan menikmati keamanan dan kemakmuran yang telah dan sedang kita rasai semenjak Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan enam tahun yang lalu.

Dalam hal ini kita tidak bersalah dan telah menjalankan segala-gala ikhtiar untuk mengatasi masalah ini supaya kembalinya keadaan persahabatan, saling mengerti dan berbaik-baik sangka di antara ketiga-tiga buah negara itu. Tetapi apa yang kita dapati ialah sebaliknya, iaitu sikap permusuhan atau konfrontasi dari Kerajaan Indonesia, yang sekali-sekali tidak mengendahkan penyata yang tertinggi, iaitu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, yang mana kejujurannya tidaklah dapat dipersoalkan. Walau bagaimanapun kita berserah kepada Tuhan Yang Maha Berkuasa, yang mengetahui segala-galanya dan kita yakin bahawa Allah Subhanahu Wataalah akan menyebelahi kepada pihak yang benar. Dalam pada itu, saya menyeru kepada seluruh rakyat di negeri ini agar bertenang dan berdiri di belakang Kerajaan Malaysia dalam menghadapi kegentingan ini. Dalam keadaan masa ini sangatlah mustahak semua rakyat bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan.


Berbalik saya kepada Rancangan Luar Bandar, sungguh pun banyak fikiran dan tenaga hams ditumpukan kepada masalah-masalah timbulnya daripada konfrontasi, saya patut menegaskan di sini bahawa Kerajaan tetap bertekad untuk meneruskan tujuan asalnya dalam Rancangan Pembangunan Luar Bandar. Dalam rancangan raksasa ini adalah hasrat Kerajaan hendak menyediakan berbagai kemudahan-kemudahan seperti membuka tanah-tanah baharu untuk petani-petani yang tak memiliki tanah, membena

jalan-jalan raya, sekolah-sekolah, klinik-klinik kesihatan, klinik-klinik bidan, balai-balai raya, bekalan-bekalan air dan letrik dan lain-lain lagi—adalah semata-mata untuk menolong rakyat jelata mempertingkatkan taraf hidup mereka, khasnya rakyat-rakyat Melayu di Luar Bandar.


Patutlah dinyatakan di sini bahawa Kerajaan telah memperuntukkan wang sejumlah \$2,150 juta untuk Pembangunan Negara dalam Rancangan Lima-Tahun yang Kedua ini. Dengan wang ini kerajaan sanggup menyediakan kemudahan-kemudahan yang perlu untuk orang-orang kampung supaya mereka juga dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang boleh didapati di bandar-bandar. Tetapi, kemudahan-kemudahan ini tidaklah akan mendatangkan munafaat, atau dengan lebih tepatnya bahawa Rancangan Luar Bandar tidak akan mencapai matalamatnya, jika sekiranya rakyat jelata sendiri tidak mengambil peranan yang cergas dalam pelaksanaannya. Dengan ringkasnya, bahawa rakyat sendiri hendaklah menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan itu dengan sepenuhnya.

Menepati ajaran bahawa Tuhan tidak mengubah nasib sesuatu bangsa melainkan bangsa itu mengubahnya sendiri. Oleh itu rakyat mestilah menanam serta memupuk semangat dan kesanggupan berusaha menolong diri sendiri, lebih mempercayai tenaga dan daya sendiri daripada mengharapkan bantuan orang lain, dan sedia bergotong-royong menuju ke arah kemakmuran dengan sama-sama menjinjing yang ringan dan sama-sama memikul yang berat.


Merdeka Malaysia. Terima kasih.



Tun Abdul Razak berucap di hadapan Pegawai-pegawai Kerajaan dan Ahli-ahli Dewan Negeri di Bilik Gerakan Pembangunan Rancangan Luar Bandar, Kuala Lumpur pada 20hb Oktober, 1963.



Tun Abdul Razak sedang melihat Peta Daerah Jerantut yang mana tempat-tempat telah dibina dan dibaiki pada 7hb November, 1963.



Tun Abdul Razak, bersongkok dan memegang tongkat, menyaksikan projek membuat jalan baru dari Kuala Kurau ke Jalan Jerantut pada 8hb November, 1963.